

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UPSR
BAHASA MELAYU
(PEMAHAMAN)
2017**

011

1¼ Jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi Dua bahagian iaitu : Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A soalan objektif dan Bahagian B soalan subjektif.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai

- 1 Kakak memetik beberapa _____ bunga mawar untuk diberikan kepada ibunya.
A ruas
B jambak
C kuntum
D karangan

- 2 Baju sutera itu bukan sahaja cantik, _____ harganya pun murah.
A dan
B lalu
C atau
D malah


- 3 “_____ telah berjanji hendak belajar bersama-sama pada petang ini,” beritahu Rujh kepada ibu Hisham.
A Aku
B Awak
C Kami
D Kamu

- 4 Ikan-ikan yang hendak dijadikan ikan masin itu mesti _____ terlebih dahulu supaya cepat kering dan tahan lama.
A dibakar
B dijemur
C dimasak
D digoreng

- 5 Pihak bomba berjaya _____ api dalam kebakaran yang berlaku di kampung itu.
A mematikan
B menamatkan
C memadamkan
D menghapuskan


- 6 Kami berasa kasihan melihat Pak Musa yang _____ mengayuh becanya.
A terkial-kial
B tergagap-gagap
C tergopoh-gapah
D terumbang-ambing

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Bustamin makan dengan _____ sekali kerana dia tidak makan sejak pagi lagi.
- A kasar
B ganas
C garang
D gelojoh
- 8 Setiap kali Suhana datang ke rumah saya, dia mesti _____ kerana kami sedang makan.
- A langkah kanan
B langkah seribu
C langkah pendek
D langkah panjang

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Aiman dan rakan-rakannya bergotong-royong menceriakan kelas kerana mereka akan menyertai Pertandingan Kelas Ceria.
- Apakah hasrat mereka apabila menyertai pertandingan tersebut?
- A Membiarkan kemenangan berpihak kepada orang lain.
B Memberikan hadiah yang dimenangi kepada orang lain.
C Memenangi pertandingan dan menjulang hadiah yang akan dimenangi.
D Memujuk para hakim supaya memberi kemenangan kepada kelas mereka.

- 10 Radiah gemar menanam pokok bunga dan menjahit untuk mengisi masa lapangnya. Pilih **perkataan sinonim** bagi gemar.
- A elok
B suka
C ikhlas
D gembira
- 11 Pokok kelapa di tepi rumah Pak Cik Kassim condong apabila ditiup angin yang sangat kuat. Pilih **perkataan antonim** bagi condong.
- A tegak
B senget
C miring
D sendeng

Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang mengandungi perkataan bergaris dengan betul.

- 12 I Harun berasa lapang dada setelah mengetahui bahawa dia lulus ujian tersebut.
II Kita perlu mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.
III Murid-murid sekolah digalakkan bermain di kawasan lapang supaya tidak berlaku kemalangan.
IV Amri berasa lapang dan berdebar untuk menghadapi peperiksaan esok.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 13 dan 14

Pilih ayat yang betul.

- 13 A Air mineral diperolehi daripada tanah di kawasan bukit.
B Sejak dari pagi lagi peminat hoki sudah berkumpul untuk membeli tiket.
C Di zaman sekarang, murid-murid mempunyai peluang yang luas untuk belajar.
D Penerbangan daripada Mekah akan tiba petang nanti.
- 14 A Salma bukan pergi ke sekolah tetapi ke pasar raya.
B Nenek saya bukan mahu makan ubat walaupun demam.
C Kejayaan itu sebenarnya tidak atas usahanya sendiri sahaja.
D Lukisan-lukisan itu tidak cantik tetapi harganya sangat mahal.
- 15 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*
Pembuangan sampah ke dalam longkang boleh menyebabkan banjir kilat berlaku apabila hujan lebat turun.
- A Longkang yang sempit menyebabkan banjir kilat boleh berlaku semasa musim hujan.
B Semasa hujan lebat turun, longkang-longkang yang dipenuhi sampah tidak berlaku banjir kilat.
C Longkang-longkang akan mengalami banjir kilat semasa hujan lebat turun akibat banyak sampah.
D Longkang-longkang yang tersumbat akibat pembuangan sampah akan menyebabkan banjir kilat berlaku semasa hujan lebat.

16 *Pilih peribahasa yang sesuai berdasarkan ayat-ayat yang diberi.*

Kamu hendaklah berhati-hati apabila melalui kawasan itu kerana jalan raya di situ bengkok bengkok.

- A Seperti ular kena palu
- B Seperti abu di atas tunggul
- C Seperti cincin dengan permata
- D Seperti katak di bawah tempurung

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak mereka agar mencintai alam sekitar yang bersih. Contohnya, ibu bapa haruslah membuang sampah ke dalam tong sampah dan tidak melakukan pembakaran secara terbuka kerana hal ini akan mencemarkan alam sekitar. Ia juga akan menyebabkan penyakit asma, batuk dan sebagainya. Anak-anak yang *masih berumur setahun jagung* akan meniru perlakuan ibu bapa mereka.

Sehubungan dengan itu, media elektronik dan media cetak seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah juga haruslah menjalankan tanggungjawab sosial mereka melestarikan alam sekitar. Hal ini dapat direalisasikan dengan menyiarkan program-program dan rancangan khusus tentang alam sekitar seperti rancangan Aduan Rakyat yang telah membantu menyelesaikan masalah alam sekitar. Rancangan seperti Siri Animasi Alam Sekitar, Kuiz Alam Sekitar, Malaysia Hari Ini dan Kempen Cintailah Sungai Kita dapat menimbulkan kesedaran masyarakat untuk melestarikan alam sekitar.

Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing melestarikan alam sekitar agar kita dapat hidup aman dan sejahtera. Kesihatan kita akan terjaga dan kita dapat mengecapi kehidupan dengan cara yang terbaik.

17 Mengapakah ibu bapa harus membuang sampah ke dalam tong sampah?

- A supaya tidak didenda oleh pihak yang berkuasa.
- B supaya rumah tidak berselerak.
- C untuk mendidik anak-anak melestarikan alam sekitar.
- D tiada tempat pelupusan sampah.

18 Siapakah yang harus bertanggungjawab melestarikan alam sekitar?

- A semua pihak.
- B ibu bapa dan media cetak sahaja.
- C ibu bapa, media cetak dan media elektronik.
- D anak-anak, media cetak dan media elektronik.

- 19 Pelbagai cara boleh dilakukan untuk melestarikan alam sekitar **kecuali**
- A tanam sampah dalam lubang.
 - B elakkan pembakaran terbuka.
 - C buang sampah dalam tong sampah.
 - D buang sampah dalam parit dan sungai.
- 20 Rangkaian kata *umur masih setahun jagung* dalam petikan bermaksud
- A anak-anak yang belum bersekolah.
 - B anak-anak yang masih kecil dan belum matang.
 - C anak-anak yang hanya pentingkan diri sendiri.
 - D anak-anak yang tingginya setara dengan pokok jagung.

BAHAGIAN A TAMAT

BAHAGIAN B
[30 markah]

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

telah	oleh	dan	supaya
dari	untuk	sejak	seperti

Sabah yang digelar Negeri Di Bawah Bayu banyak mempunyai destinasi pelancongan yang sangat menarik _____ dikunjungi. Antaranya ialah Kundasang yang terletak kira-kira 80 kilometer _____ Kota Kinabalu. Kundasang terletak dalam Daerah Ranau yang terkenal sebagai daerah pelancongan tersohor. Selain Kundasang, terdapat destinasi pelancongan menarik lain _____ Kolam Air Panas Poring, Taman Negara Gunung Kinabalu, Ladang Desa Teh, Lombong Tembaga Mamut, Sungai Liwagu, _____ pasar tani yang diadakan sebulan sekali.

[4 markah]

Soalan 22

(a) Tandakan (✓) bagi kata adjektif yang betul berdasarkan ayat di bawah.

(i) Sungai di belakang rumah datuk saya memang airnya agak _____ dan banyak batu-batu.

kencang () lebat () deras ()

(ii) Pak Ayub akan berasa hiba apabila bercerita tentang kenangan _____ sebelum negara merdeka.


silam () lewat () kini ()

[2 markah]

- (b) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.
- i) Kakak menggunakan beberapa (keping, buah, cebis) kertas warna dan beberapa cebis perca kain untuk membuat kolaj itu.
 - ii) Salim memasukkan beberapa (butir, ketul, kerat) ais ke dalam gelas minumannya itu.

[2 markah]

- (c) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) “Kakak, apakah penyakit yang dihidapi oleh datuk _____ itu?” tanya Ani kepada kakaknya.		baginda
(ii) Cikgu Azmi tidak hadir ke sekolah kerana _____ sakit.		kita
(iii) Sultan Halim menitahkan anakanda _____ keluar dari istana		Kalian
(iv) “_____ jangan cuba mempermain-mainkan saya,” kata Hakim kepada rakan-rakannya.		beliau

[2 markah]

Soalan 23

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Muiz seorang pelajar yang cemerlang. Ketika dalam tahun lima, guru kelasnya sentiasa menjadikannya sebagai murid contoh. Dia sering mendapat keputusan yang baik dalam setiap peperiksaan. Hal ini kerana sikapnya yang rajin, tekun dan bersungguh-sungguh serta memberi perhatian ketika guru mengajar.

Dia telah mewakili sekolah dalam Pertandingan Bercerita Peringkat Negeri Kelantan. Dia mengharumkan nama sekolahnya apabila berjaya meraih tempat pertama dalam pertandingan tersebut. Pada tahun yang sama, dia juga menyertai peraduan mengarang esei sempena sambutan Hari Guru anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Pada kali ini, dia sekali lagi berjaya menjadi johan dalam pertandingan tersebut.

Dari segi keperibadiannya, dia seorang yang baik hati. Ini dibuktikan dengan sikapnya yang prihatin dan suka membantu rakan-rakan serta amanah. Jadi, tidak mustahil dia berjaya mendapat 6A dalam UPSR.

- (a) Maksud rangkai kata *meraih tempat pertama* dalam petikan di atas ialah

[1 markah]

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

Muiz pernah menjadi johan dalam pertandingan melukis dan mengarang esei.	→	
Muiz berjaya mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR.	→	

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, bagaimanakah cara-cara untuk berjaya apabila kamu menyertai sebarang pertandingan?

[3 markah]

Soalan 24

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Jadual Kelas Tambahan Musim Cuti Persekolahan

Tarikh / Hari	Masa	Mata Pelajaran	Nama Guru
15 Jun 2017 Ahad	8.00-10.00 pagi	Matematik	Cikgu Ismail
16 Jun 2017 Isnin	8.00-10.00 pagi	Sains	Cikgu Hasmi
17 Jun 2017 Selasa	8.00-10.00 pagi	Bahasa Inggeris	Cikgu Nawi
18 Jun 2017 Rabu	8.00-10.00 pagi	Bahasa Melayu	Cikgu Roslina

Perhatian:

1. Murid-murid dikehendaki mematuhi masa yang ditetapkan.
2. Sila bawa kelengkapan alat tulis untuk keselesaan belajar.
3. Murid-murid dikehendaki membeli makanan di kantin sekolah.
4. Murid-murid dikehendaki memakai pakaian lengkap sekolah.

(a) Murid-murid dikehendaki sampai ke kelas tepat pada masanya supaya _____

[1 markah]

(b) Guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu ialah _____

[1 markah]

(c) Nyatakan empat mata pelajaran utama yang diajar dalam kelas tambahan musim cuti yang diadakan.

[2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, mengapakah murid-murid dikehendaki membeli makanan di kantin sekolah?

[3 markah]

Soalan 25

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat lengkap.

**PUSAT ISTIRAHAT HARMONI SENDIRIAN BERHAD (3888999-V)
43500 SEMENYIH**

Telefon: 03-7166451

Faks: 03-7166452

LOKASI

- Terletak di kawasan Hutan Rekreasi Semenyih
- Terletak berhampiran dengan Empangan Semenyih
- Terletak di kawasan yang nyaman, tenang dan selesa tanpa pencemaran udara dan bunyi.

KEMUDAHAN

- Menyediakan 35 buah calet
- Mempunyai 40 ruang tapak perkhemahan
- Dilengkapi kawasan untuk aktiviti berjoging, memancing dan air terjun
- Menganjurkan aktiviti mendaki bukit, meredah hutan dan melihat unggas

SAJIAN MAKANAN

- Aneka jenis makanan tradisional Negeri Sembilan
- Ulam-ulaman
- Barbeku
- Sarapan pagi, tengah hari dan malam
- Masakan panas
- Pakej sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam

Dewasa : RM 45.00 seorang

Kanak-kanak (5-12 tahun) : RM 20.00 seorang

**Kami mengutamakan keselesaan dan kepuasan anda.
Nikmatilah keseronokan semasa berada di Pusat Istirahat Harmoni.**

(a) Perkataan *calet* dalam iklan boleh diganti dengan perkataan _____

[1 markah]

(b) Pusat Istirahat Harmoni Sendirian Berhad terletak di _____

[1 markah]

(c) Berapakah bayaran yang dikenakan untuk pakej makanan kepada satu keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan seorang anak 2 tahun?

[2 markah]

(d) Adakah kita perlu mengunjungi pusat istirahat? Mengapa?

[3 markah]